

Rangkaian 5G pacu negara ke arena global

Oleh HAKIMI ISMAIL
dan JUANI MUNIR

pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 3 OKT.


RANGKAIAN 5G akan menjadi pemacu utama menghubungkan rakyat negara ini dan mengubah industri utama seperti pembuatan, pertanian serta penjagaan kesihatan agar terus berdaya saing di peringkat global.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerjasama antara pemain industri global dan vendor tempatan penting untuk membina ekosistem teknologi di negara ini.

“Impak teknologi canggih dalam melonjakkan kemajuan negara adalah jelas dan Malaysia tidak mahu ketinggalan terutamanya dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0),” katanya kenyataan di sini hari ini.

Terdahulu, Dr. Mahathir menyaksikan majlis menandatangani memorandum perjanjian bersama antara Maxis Berhad (Maxis) dan Huawei Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd. (Huawei) mengenai capaian rangkaian 5G di negara ini.

Perjanjian berkenaan dimeterai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Max-



DR. MAHATHIR MOHAMAD menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian antara Gokhan Ogut (tiga dari kiri) dengan Michael Yuan di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/RASHID MAHFUF

is, Gokhan Ogut manakala Huawei diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Michael Yuan di Yayasan Kepimpinan Perdana.

Mengulas kerjasama itu, Perdana Menteri berkata, beliau gembira kerana Maxis dan Huawei menyokong pertumbuhan ekonomi digital di negara ini.

Sementara itu, Pengerusi Maxis, Tan Sri Raja Arshad Raja Tun Uda berkata, dengan termentainya perjanjian itu, Maxis akan menyediakan inovasi 5G

terunggul bagi memberi manfaat kepada rakyat dan industri sekali gus menjadi rangkaian terpentas dan maju.

“Maxis komited untuk bekerjasama dengan rakan kongsi kami iaitu Huawei untuk melancarkan capaian 5G menerusi beberapa langkah. Antaranya, Huawei akan membekalkan peralatan dan perkhidmatan radio 4G/LTE dan 5G.

“Selain mendapat akses teknologi 5G, Maxis juga dapat

memodenkan rangkaian LTE kepada 5G selain mempunyai akses kepada piawaian, pemahaman dan penyelesaian untuk menjadikan 5G lebih mudah dilaksanakan dan beroperasi di Malaysia,” katanya.

Melalui kerjasama itu, Huawei akan membentuk sebuah kumpulan pakar untuk menyokong Maxis dalam siri program latihan teknikal mengenai perancangan, operasi dan penyelenggaraan rangkaian 5G